

Pelajar didedah kepentingan air dalam kehidupan



● Pelajar mengisi borang keahlian untuk menjadi ahli Kelab Briged Penyelamat Sungai (BPS) pada pameran Hari Air Sedunia di ibu pejabat Syabas.

KUALA LUMPUR – Sempena sambutan Hari Air Sedunia 2010, pelbagai aktiviti dijalankan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) untuk masyarakat termasuk pelajar sekolah dengan tujuan mendedahkan kepentingan air dalam kehidupan.

Eksekutif Kanan Syabas, Abdul Samat Osman berkata, aktiviti yang dirangka syarikat berkenaan dan Puncak Niaga Sdn Bhd itu adalah untuk memberi kesedaran kepada generasi muda supaya menjaga kebersihan sungai serta menjadi ejen perubahan sikap terhadap kebersihan sungai dalam kalangan pelajar

sekolah.

"Tujuan kita memanggil pelajar ini adalah untuk mendidik mereka mengapa perlu menjaga kebersihan sungai dan mendedahkan mereka bagaimana air bersih yang mereka minum setiap hari diproses supaya mereka lebih menghargai air sebagai sumber utama dalam kehidupan," katanya sempena pameran Hari Air Sedunia di ibu pejabat Syabas, di sini.

Menurutnya, sebanyak lapan sekolah dipilih untuk melawat gerai pameran Syabas selama dua hari itu dan pelajar didedahkan dengan aktiviti seperti penerangan mengenai pera-

nan Syabas, lawatan ke pameran, kuiz, pertandingan mewarna serta program mencari harta karun.

Antara sekolah yang turut serta dalam lawatan ini ialah Sekolah Kebangsaan TTDI 2, Sekolah Kebangsaan Jalan Bangsa, Sekolah Menengah Jeram Kuala Selangor, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Jalan Bangsa, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Burong, Kuala Selangor dan Sekolah Kebangsaan TTDI Jaya.

Samat berkata, Syabas turut memberi sumbangan RM100 kepada setiap sekolah rendah dan RM200 untuk sekolah menengah.